



03 NOV, 2022

Kerajaan perlu ramai tenaga mahir majukan pentadbiran

Utusan Sarawak, Malaysia



Kerajaan perlu ramai tenaga mahir majukan pentadbiran

AZREEN KERIA

KOTA SAMARAHAN: Pembangunan penyelidikan dan inovasi yang giat dilaksanakan oleh institusi pendidikan yang ada di Sarawak diharap dapat menyumbang kepada peningkatan jumlah kepakaran, sumber manusia dan teknokrat.

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Bakat Datuk Francis Harden Hollis berkata, semua tenaga mahir ini amat diperlukan untuk memajukan organisasi dan jentera pentadbiran kerajaan suatu hari nanti.

"Besarnya harapan kita, agar Sarawak menjadi salah sebuah negeri yang mempunyai bidang pendidikan yang gah, selain mempunyai tenaga manusia yang kompetitif, seterusnya menyumbang kepada kemajuan pelbagai sektor.

"NCRI 2022 menjadi salah satu platform penting dalam usaha kita membudaya dan memperkasakan penyelidikan dan inovasi," katanya.

Beliau berucap ketika Penutupan rasmi sempena Konferensi Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2022 (NCRI 2022) di Dewan Sri Samarahan IPG Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan semalam.

Jelasnya lagi, pelaksanaan e-pembelajaran telah mewujudkan idea-idea yang menyumbang

kepada terbentuknya pelbagai platform dan alat pembelajaran yang mengupayakan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara digital.

"Selain itu, penyelidikan dan inovasi dapat melatih pembangunan pemikiran aras tinggi dalam kalangan pendidik, seterusnya membimbing dan mengasah pemikiran para mudi secara sistematik, dan kreatif.

"Dalam bidang pendidikan, penyelidikan merupakan satu proses untuk seorang pendidik mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah yang wujud khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

"Malah, penyelidikan juga dikatakan sebagai satu seni (the art of discovery) untuk menyingkap pengetahuan baharu."

Beliau turut menjelaskan bahawa penyelidikan dan inovasi sebenarnya memberi kesan dan impak terhadap kualiti sistem pendidikan dan warga pendidik itu sendiri khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0 ini.

"Kewujudan 'big data' dalam bidang pendidikan boleh dimanfaatkan, oleh pendidik dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada pembelajaran digital, iaitu sejajar dengan era digital dan Revolusi Industri 4.0.

"Oleh itu, generasi muda negara sewajarnya menuntun ilmu, kemahiran dan kecekapan



PENDIDIKAN... Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Bakat Datuk Francis Harden Hollis hadir pada penutupan rasmi sempena Konferensi Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2022 (NCRI 2022) di Dewan Sri Samarahan IPG Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan.

yang berkaitan dengan sains, teknologi, penyelidikan dan inovasi sebagai persediaan sebelum memasuki pasaran pekerjaan dan berupaya bersaing dalam pasaran pekerjaan terbuka.

"... para pendidik sekali lagi disarankan agar terus bergiat aktif dalam bidang penyelidikan dan inovasi agar generasi muda yang bakal lahir menerusi sistem

pendidikan di negara kita juga berupaya mengorak langkah sebagaimana yang sudah berlaku di negara-negara maju," ujarnya.

Beliau turut menggesa agar institusi pendidikan lain di Sarawak turut mempergiat bidang penyelidikan dan inovasi bagi membawa kemajuan dan melonjakkan nama Sarawak khususnya

dalam bidang pendidikan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

"Hasrat ini selaras dengan misi untuk meningkat dan memaksimumkan keberhasilan murid selain membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara."



03 NOV, 2022

Kerajaan perlu ramai tenaga mahir majukan pentadbiran

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA SAMARAHAN: Pembangunan penyelidikan dan inovasi yang giat dilaksanakan oleh institusi pendidikan yang ada di Sarawak diharap dapat menyumbang kepada peningkatan jumlah kepakaran, sumber manusia dan teknokrat. Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Bakat Datuk Francis Harden Hollis berkata, semua tenaga mahir ini amat diperlukan untuk memajukan organisasi dan jentera pentadbiran kerajaan suatu hari nanti.